

20/09/2003

103 pesawat, 114 kapal sertai Lima `03

KUALA LUMPUR: Sebanyak 103 pesawat dan 114 kapal dari dalam serta luar negara mengesahkan penyertaan pada Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi `03 (Lima `03) pada 30 September hingga 5 Oktober ini.

Antara pesawat ialah F18F Super Hornet dan F16 C/D dari Amerika Syarikat, Sukoi SU 30 MK dan Be 200 dari Russia, Hawk MK1 dari Britain serta jet pengebom F111 dari Australia.

Bagi segmen maritim pula, 16 kapal perang dari Perancis, Australia, Korea Selatan, Bangladesh, Arab Saudi, Pakistan, India, Sri Lanka, Thailand dan Singapura dijadual mengambil bahagian.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Azizah Abod, berkata beberapa agensi kerajaan juga menyatakan persetujuan untuk hadir.

Antaranya Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Jabatan Bomba dan Penyelamat, Polis Marin, Jabatan Kastam, Jabatan Laut dan Jabatan Perikanan.

"Bagi pertunjukan maritim, 74 kapal perang, bot peronda dan bot komersial milik agensi kerajaan serta orang perseorangan akan berlabuh di jeti Awana Porto Malai.

"Pertunjukan udara akan diadakan di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Mat Sirat," katanya pada majlis taklimat media di Kementerian Pertahanan, di sini semalam.

Hadir sama Pengurus Komunikasi Korporat Le Proton Lima Sdn Bhd, Nonee Ashirin Mohd Radzi dan Pengarah Eksekutif HW Lima Sdn Bhd, Felix Thai.

Sementara itu, Nonee berkata, pada perasmian Lima `03 itu, pasukan akrobatik udara Britain, Red Arrows dan juruterbang TUDM akan mengadakan pertunjukan udara khas bagi mengenang jasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Sembilan pesawat Bae Hawk MK1 akan diterbangkan pasukan Red Arrows, manakala juruterbang TUDM menerbangkan 12 pesawat MIG 29N, FA 18D dan F5E. Pertunjukan akan diadakan setiap hari dan dua hari terakhir dibuka kepada orang awam.

"Pasukan Red Arrows turut mengadakan pertunjukan di Pangkalan Udara TUDM di Subang pada 27 September ini untuk penduduk Lembah Klang. Seramai 200 penerjun dari 10 Briged Para Komando melakukan terjunan dan mendarat di hadapan tetamu di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi pada hari berkenaan," katanya.

Buat pertama kali, Bahagian Kajian Sains Angkasa (Baksa) mengadakan pameran angkasa lepas dalam usaha memupuk minat pelajar. Le Proton juga bekerjasama dengan Kumpulan Industri-Kerajaan Untuk Teknologi Tinggi Malaysia (Might) untuk menjadikan Malaysia pusat mengawal selia, membaiki dan baik pulih teknologi aeroangkasa.

Thai berkata, pada pameran itu, turut diadakan Karnival Cocktail Maritim Antarabangsa membabitkan 10 tukang masak luar negara yang mempersembahkan masakan tradisional masing-masing.

"Peserta yang lengkap berpakaian tradisional dijemput pada majlis yang diraikan Perdana Menteri pada 2 Oktober nanti," katanya.